

**PERKEMBANGAN PSIKOSOSIAL PELAJAR DI SEBUAH INSTITUSI  
PENGAJIAN TINGGI AWAM MALAYSIA: ANALISIS PERBEZAAN  
BERDASARKAN JANTINA**

**Fauziah Md Jaafar\***  
**Tengku Faekah Tengku Ariffin**

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden  
Universiti Utara Malaysia  
mjfauziah@uum.edu.my\*

**ABSTRACT**

Higher education institutions are facing challenges to produce graduates who are not only highly perform and holistically well-developed to be prepared for the job market upon graduation. Thus, a good psychosocial development and learning experience is essential for students during their study in Higher education institutions. It is the responsibility of a higher education institution to provide a good learning platform and high impact program which relevant to the demand of the job market. This study employed a survey method and administered to a total of 347 students who have responded to the 62 items questionnaire. The multivariate data analysis (MANOVA) was conducted to test the hypotheses of gender differences in the level of psychosocial development of students. The findings indicated that there was significant difference between male and female students for the Goal Setting factor; where as there was no significant difference between male and female students for the development of Autonomy and the development of Interpersonal Relations. Theoretically, this study provides empirical evidence in explaining the difference students' psychosocial development based on gender. In practical, it is recommended that higher education institutions to provide equal opportunities for students female and male to develop themselves during their study at the university.

**Keywords:** Student development, psychosocial development, higher education institutions; gender; job market

**PENGENALAN**

Apabila membincangkan tentang perkembangan pelajar haruslah sejajar dengan perkembangan pendidikan masa kini. Namun begitu, masih terdapat isu yang tetap diperkatakan, khususnya perkembangan psikososial pelajar yang sering menjadi fokus perbincangan di pusat-pusat pengajian tinggi. Antara isu yang kerap didebatkan ialah aspek perancangan kerjaya yang merupakan salah satu subdimensi yang terdapat dalam perkembangan psikososial (Chickering & Reisser, 1993). Perancangan kerjaya ketika pelajar masih di universiti amat perlu bagi setiap pelajar bagi memenuhi pasaran kerja sebaik saja tamat pengajian(Ang Chooi Leng, Engku Muhammad Nazri Engku Abu Bakar & Zahayu Md Yusof, 2005). Kebanyakan pelajar tidak mempunyai perancangan dan matlamat bagi masa depan mereka. Ada kalangan mereka yang memperolehi keputusan yang cemerlang dalam akademik tetapi dari aspek matlamat hidup mereka masih tiada hala tuju. Mereka tidak fokus tentang perancangan kerjaya mereka setelah tamat pengajian. Pengalaman ketika mereka di kampus sama ada dalam atau luar kampus sepatutnya menjadi nilai tambah dalam menyediakan diri pelajar ke arah kebolehpasaran ke alam pekerjaan di peringkat global (Ahmad Sabri Mohd Yazid & Marzuki Ngah, 2002; Lippman, Atienza, Rivers, Keith, 2008).

## PERNYATAAN MASALAH

Hakikatnya setiap individu akan melalui proses perkembangan psikososial dalam perkembangan hidupnya (Woolfolk, 2007). Perkembangan psikososial ini merangkumi aspek perlakuan dan sikap individu dari segi personal, interpersonal, fizikal serta psikologi individu tersebut (Foubert & Grainger, 2006). Ramai penyelidik berpendapat bahawa perkembangan psikososial merupakan elemen yang penting bagi setiap pelajar ketika mereka menuntut ilmu di pusat pengajian tinggi berbanding aspek-aspek lain seperti akademik dan intelek yang dilihat sebagai satu elemen kecil dalam dunia pelajar di universiti (Astin, 1977; Chickering, 1969). Kejayaan dan kecemerlangan akademik bukanlah penentu kebolehpasaran pelajar pelajar kita di peringkat global. Pengalaman dan penglibatan pelajar di kampus dan juga perkembangan psikososial mereka secara menyeluruh membantu ke arah itu (Fauziah Md Jaafar, Rosna Awang Hashim & Tengku Faekah Tengku Ariffin, 2012).

Perkembangan psikososial juga berperanan penting dalam mempengaruhi interaksi pelajar dengan kurikulum, struktur program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh sebuah institusi pengajian (Wachs & Cooper, 2002). Pengalaman pelajar ketika di pusat pengajian juga boleh meninggalkan kesan terhadap perkembangan psikososial pelajar (Martin, 2000). Dalam hal ini menunjukkan bahawa institusi pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam perkembangan psikososial pelajar, selain kecemerlangan akademik dan juga perkembangan sahsiah pelajar (Jamaludin Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih, & Norhafezah Yusof, 2009).

Kajian lalu telah memberikan maklumat dasar berkaitan dengan perkembangan psikososial pelajar di sekolah dan/atau di universiti berdasarkan perbezaan jantina. Contohnya kajian oleh Marchado, Almeida & Soares (2002) telah mendapati bahawa pelajar perempuan lebih tinggi tahap perkembangan psikososialnya dari segi perancangan dan matlamat hidup berbanding dengan pelajar lelaki. Namun begitu, terdapat juga kajian yang mendapat keputusan yang berbeza, iaitu tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam aspek perkembangan psikososial mereka iaitu dari aspek adaptasi akademik, sosial, emosi dan komitmen matlamat (Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore, 2012; Utterback, Spooner, Barbieri dan Fox, 1995). Justeru itu, dalam konteks universiti di Malaysia, terdapat keperluan untuk melihat sejauhmana terdapat perbezaan berdasarkan jantina dalam perkembangan psikososial pelajar. Ini akan meningkatkan lagi kefahaman terhadap keperluan pelajar lelaki dan perempuan yang mungkin berbeza dalam menyediakan diri menghadapi kerjaya masa depan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan tahap Perkembangan Psikososial pelajar berdasarkan jantina.

## SOROTAN KAJIAN LAMPAU

### *Latar Belakang Teori Psikososial*


Kajian ini menggunakan Teori Perkembangan Psikososial yang diketengahkan oleh Chickering dan Reisser (1993) dan teori ini juga dirujuk bagi mengatasi hal ehwal pelajar di institusi pengajian tinggi (Cooper et al., 1994; Martin, 2000; Braxton & Lien, 2000; Lien 2002; Montelongo, 2002; Foubert & Grainger, 2006; Strayhorn & Saddler, 2009). Seharusnya setiap pelajar yang menerokai pengalaman dalam dan luar kampus berkemampuan menunjukkan perubahan terhadap perkembangan psikososial diri mereka (Chickering & Reisser, 1993). Sehubungan itu, teori ini telah memperkenalkan tujuh vektor perkembangan yang bakal dilalui oleh pelajar dalam pembentukan identiti bagi kematangan diri mereka iaitu: i) memperkembangkan kompetensi (*developing competence*); ii) mengurus emosi (*managing emotions*), iii) melalui pengalaman autonomi ke arah

saling bergantungan (*moving through autonomy toward interdependence*); iv) memperkembangkan perhubungan interpersonal yang matang (*developing mature interpersonal relationships*); v) memperkuatkkan identiti (*establishing identity*); vi) memperkembangkan matlamat (*developing purpose*); dan vii) memperkembangkan integriti (*developing integrity*).

#### *Kajian-Kajian berkaitan Perkembangan Psikososial*

Individu pelajar seharusnya melalui proses perkembangan psikososial yang seimbang supaya mereka menjadi individu yang berdikari, bertanggungjawab, berkemampuan untuk meningkatkan keupayaan, menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial dalam dan luar kampus, berkemampuan mengawal diri dengan baik, berupaya mengurangkan sifat serta berkemampuan mencapai kesempurnaan diri (Erikson, 1968). Perkembangan ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam mengkaji dan mengukur perkembangan psikososial kebanyakannya pengkaji menggunakan instrumen yang dinamakan Student Developmental Task and Lifestyle Assessment (SDTLA) (Winston, Miller, Cooper, 1999) yang mengemukakan tiga konstruk yang lebih umum iaitu: i) Penentuan Matlamat; ii) Perkembangan Autonomi; dan iii) Perkembangan Hubungan Interpersonal. Ketiga-tiga faktor ini merangkumi tujuh vektor bagi menerangkan Perkembangan Psikososial sebagaimana yang dicadangkan oleh Chikering dan Reisser (1993) (rujuk rajah 1).



Rajah 1. Kerangka Teori Perkembangan Psikososial

### *Penentuan Matlamat*

Dalam kajian ini Penentuan Matlamat boleh didefinisikan sebagai bagaimana setiap individu pelajar itu dapat mengenalpasti identiti diri berdasarkan pengalaman yang dilaluinya dan keupayaan mereka membuat perancangan dan hala tuju yang ingin dicapai dalam hidupnya. Penentuan Matlamat merangkumi tiga subdimensi iaitu Perancangan Kerjaya, Perancangan Gaya Hidup dan Pembudayaan Kesenian.

Komitmen terhadap perancangan kerjaya merupakan perkara penting dalam Penentuan Matlamat ( Martin, 2000). Kajian Hood (1984) mendapati penglibatan pelajar di kampus akan mempengaruhi Penentuan Matlamat pelajar itu. Selain daripada itu Penentuan Matlamat juga dipengaruhi oleh penglibatan aktiviti kurikulum dan pengalaman yang dilalui oleh pelajar dalam dan luar kampus (Foubert & Grainger, 2006). Namun sebaliknya hasil dptan kajian Burt dan Halpin (1998) mendapati bahawa Penentuan Matlamat pelajar Afrika Amerika adalah dipengaruhi oleh keluarga dan komuniti.

### *Perkembangan Autonomi*

Perkembangan Autonomi merangkumi bagaimana individu pelajar ini bertindak tanpa perlu pandangan dan cadangan dari orang lain (Chickering & Reisser, 1993; Moore & Upcraft, 1990; Thomas & Chickering, 1984). Pada peringkat ini ia melibatkan tiga dimensi iaitu Autonomi Emosional, Autonomi Sosial dan Autonomi Instrumental.

Kajian mendapati penyesuaian diri pelajar ketika di kampus setelah berpisah dengan keluarga merupakan satu tekanan dan cabaran bagi mereka namun mereka akan lebih pergantungan dengan rakan sebaya ketika di kampus (Parker, Summerfeldt, Hogan & Majeski, 2004) Sekiranya pelajar itu sama ada lelaki atau perempuan mempunyai kekuatan autonomi emosionalnya, mereka mempunyai kekuatan dan berkeyakinan dalam menghadapi cabaran ketika di kampus (Parker et al., 2004).

Perkembangan Autonomi pelajar juga boleh dilihat dari segi saling bergantungan antara satu dengan lain termasuk melihat tahap sosialisasi antara rakan dan komuniti luar (Chickering & Reisser, 1993). Di samping kemampuan mereka dalam mengendalikan aktiviti dan menyelesaikan masalah mengikut kreativiti dan cara mereka sendiri. (Evans, Forney & DiBrito, 1998). Sekiranya pelajar yang melalui peringkat perkembangan autonomi ini , menunjukkan mereka berkemampuan untuk membuat keputusan sendiri dan berkeupayaan untuk menangani masalah mereka tanpa memerlukan pandangan dari orang lain (Chickering & Reisser, 1993).

### *Perkembangan Hubungan Interpersonal*

Perkembangan Hubungan Interpersonal bermaksud pelajar boleh menjalinkan hubungan yang matang dengan rakan seuniversiti. Kematangan di sini mengambil kira dari segi kepercayaan, kesetiaan mereka dan juga dalam masa yang sama, mereka mampu berdikari dan mengekalkan identiti. Selain itu, perkembangan hubungan interpersonal yang matang juga melibatkan sikap toleransi pelajar terhadap penerimaan perbezaan bangsa dan budaya dalam komuniti mereka. Dalam kajian ini, perkembangan hubungan interpersonal merangkumi dua subdimensi iaitu perkembangan rakan sebaya dan toleransi.

Erwin dan Love (1989) dalam kajian mereka yang berkaitan dengan perkembangan hubungan interpersonal, mendefinisikan perkembangan interpersonal sebagai merangkumi bagaimana setiap pelajar itu berinteraksi dan bersosial dengan rakan mereka di kampus dan juga komuniti, pertubuhan dan juga seluruh dunia, sebagaimana yang didefinisikan juga oleh Chickering dan Reisser (1993), serta Thomas dan Chickering, (1984). Kajian empirikal mendapati bahawa interaksi pelajar dalam organisasi dan juga komuniti di institusi pengajian tinggi memberi pengaruh yang positif terhadap perkembangan perhubungan interpersonal yang matang (Foubert & Grainger, 2006).

## METODOLOGI KAJIAN

### *Reka bentuk kajian*

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan. Data yang dikutip adalah merupakan data keratan rentas.

### *Persampelan*

Populasi kajian ini, terdiri daripada pelajar tahun akhir Universiti Utara Malaysia dari pelbagai program 2012/2013 iaitu 2231 orang. Berdasarkan cadangan Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang diperlukan adalah 331 maka bilangan sampel kajian ini selepas pembersihan data adalah seramai 347 orang.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*) mengikut strata dari segi jantina (Ary, Jacobs & Razavieh, 2002). Kemudian pengkaji dapatkan peratusan pelajar bagi setiap kolej iaitu *College Arts and Sciences* (CAS) 40%, *College of Business* (COB) 30% dan *College of Law, Government and International Studies* (COLGIS) 30% bagi mewakili Universiti Utara Malaysia.

### *Analisis data*

Analisis MANOVA digunakan dalam menguji sama ada terdapat perbezaan antara pembolehubah berdasarkan jantina.

### *Instrumen kajian*

Pengkaji mendapatkan kebenaran menggunakan Instrumen SDTLA (Winston, Miller & Cooper, 1999) yang mana dijadikan sebagai garis panduan untuk mengukur perkembangan psikososial pelajar. Instrumen ini mengetengahkan tiga faktor berikut bagi melihat perincian setiap faktor Perkembangan Psikososial iaitu Penentuan Matlamat, Perkembangan Hubungan Interpersonal dan Perkembangan Autonomi (Chickering & Reisser, 1993) kerana ketiga-tiga merangkumi tujuh vektor yang ingin dikaji dalam perkembangan psikososial (Cooper, Healy, Simson, 1994).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Maklumat demografik responden adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan bilangan responden dan peratusan keseluruhan berdasarkan jantina.

Jadual 1

*Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Jantina*

	Kategori	Bilangan Responden	Peratus
Jantina	Lelaki	131	30.4
	Perempuan	216	69.6
		347	100

### *Perkembangan psikososial pelajar berdasarkan perbezaan jantina*

Berikut adalah dapatan hasil kajian berkaitan perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan bagi faktor-faktor bagi konstruk Perkembangan Psikososial. Jadual 2 memaparkan bahawa terdapat

perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan bagi faktor Perkembangan Psikososial yang pertama, iaitu Penentuan Matlamat  $F(1,345)= 12.30$ ,  $p<.001$ ,  $\eta^2=.034$ ). Dengan erti kata yang lain, pelajar lelaki lebih terancang dalam menguruskan matlamat hidup mereka ( $M=4.18$ ,  $SD=.48$ ) berbanding dengan pelajar perempuan ( $M=4.00$ ,  $SD=.45$ ). Dengan itu hipotesis nol  $H_0(1)$  tidak diterima kerana didapati pelajar lelaki menempatkan tahap Perkembangan Psikososial bagi faktor Penentuan Matlamat lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

Jadual 2

*Perbezaan Jantina Mengikut Perkembangan Psikososial*

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Jantina</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>F</b>	<b>P</b>	<b><math>\eta^2</math></b>
<i>Perkembangan Psikososial</i>	<i>L</i>	3.92	.38	4.62	.03	.013
	<i>P</i>	3.83	.33			
<i>a. Penentuan Matlamat</i>	<i>L</i>	4.18	.48	12.30	.001***	.034
	<i>P</i>	4.00	.45			
<i>b. Perkembangan Autonomi</i>	<i>L</i>	3.87	.43	.764	.38	.002
	<i>P</i>	3.83	.36			
<i>c. Perkembangan Hubungan Interpersonal</i>	<i>L</i>	3.70	.49	.421	.52	.001
	<i>P</i>	3.67	.39			

Dalam kajian ini, didapati pelajar lelaki lebih memberikan fokus dan keutamaan dalam menentukan matlamat hidup mereka berbanding pelajar perempuan. Pengkaji berpendapat bahawa pelajar lelaki lebih menunjukkan sikap bertanggungjawab berbanding pelajar perempuan, khususnya semasa mereka merancang kerjaya yang akan diceburi setelah tamat pengajian selain membuat perancangan dari segi gaya hidup serta memikul tanggungjawab setelah berkeluarga. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian Utterback, Spooner, Barbieri dan Fox (1995) yang membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam Penentuan Matlamat.

Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan bagi faktor Perkembangan Autonomi  $F(1,345)= .764$ ,  $p=.38$ ,  $\eta^2=.002$  dan faktor Perkembangan Hubungan Interpersonal  $F(1,345)= .421$ ,  $p=.52$ ,  $\eta^2=.001$ ). Oleh yang demikian, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pelajar lelaki dan perempuan memamerkan tahap yang hampir sama terhadap faktor Perkembangan Autonomi dan faktor Perkembangan Hubungan Interpersonal. Oleh itu, hipotesis  $H_0(2)$  dan  $H_0(3)$  diterima.

Bagi faktor Perkembangan Autonomi dan Perkembangan Hubungan Interpersonal, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan. Ini bermaksud pelajar lelaki dan perempuan mempunyai sikap bertanggungjawab dan sanggup mengambil risiko dalam membuat keputusan serta matang dalam berinteraksi dan menerima perbezaan budaya dan bangsa lain dalam kalangan rakan-rakan mereka di universiti. Dapatan kajian ini tidak menyokong dapatan kajian Utterback et al (1995); dan Greeley dan Tinsley (1988) yang memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi jantina dengan pelajar perempuan mempunyai perkembangan yang lebih cepat mendahului pelajar lelaki dari segi kematangan perhubungan interpersonal.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa pelajar lelaki adalah lebih tinggi tahap perkembangan psikososial mereka khususnya dari segi penentuan matlamat; manakala bagi aspek-aspek perkembangan psikososial yang lain iaitu perkembangan autonomi dan perkembangan perhubungan interpersonal, kajian ini mendapati tiada perbezaan yang signifikan antar pelajar lelaki dan perempuan.

## PENUTUP

Diharapkan dapatan kajian ini boleh dijadikan garis panduan dan rujukan pada semua pihak terutamanya pengurusan universiti, dengan mengambil kira elemen penting dalam perkembangan psikososial yang menjadi nilai tambah yang pada setiap graduan bagi membolehkan mereka mendapat menembusi pasaran kerjaya diperingkat global. Ketidak puasan hati pihak majikan terhadap kualiti graduaan (Cox & King, 2006) boleh dihubung kaitkan dengan perkembangan psikososial pelajar yang tidak mantap walaupun pencapaian akademik mereka adalah memuaskan. Adalah menjadi tanggungjawab pengurusan institusi pengajian tinggi dalam melahirkan graduan yang berkualiti dari segi kemahiran komunikasi, berfikir secara kreatif dan kristis, berkemampuan membuat keputusan dan menyelesaikan masalah serta kemahiran interpersonal dan berkeyakinan diri (Ahmad Sabri Mohd Yazid & Marzukhi Ngah, 2002; Lippman, Atienza, Rivers & Keith; 2008; Chai Lee Goi & Christine Siik Hung Lau (2010). Pihak kepimpinan pelajar juga perlu diberikan pendedahan terhadap kepentingan aspek-aspek perkembangan psikososial pelajar agar mereka menjadi lebih peka dalam mengatur program di peringkat kediaman pelajar atau persatuan masing-masing supaya pada akhirnya dapat membawa hasil yang signifikan dalam membantu rakan sebaya meningkatkan tahap keboleh pasaran pelajar selepas bergraduat.

Selain itu bagi kajian akan datang dicadangkan sampel kajian diperluaskan lagi dengan mengambil kira sampel pelajar pelajar dari seluruh universiti di Malaysia. Bagi kajian lanjutan juga disarankan kaedah *longitudinal data* digunakan supaya kita boleh melihat perbandingan perkembangan psikososial pelajar dari tahun satu hingga tamat pengajian. Dengan cara ini pengkaji boleh melihat perubahan perkembangan psikososial pelajar tersebut.

## RUJUKAN

- Ahmad Sabri Mohd Yazid & Marzuki Ngah. ( 2002). Rasional pengajaran kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta hubungannya dengan kemahiran proses sains. *Jurnal Akademik Maktab Perguruan Kuala Terengganu*, 13, 104 – 117.
- Ang Chooi Leng, Engku Muhammad Nazri Engku Abu Bakar & Zahayu Md Yusof. (2005). Career development strategies among uum graduate employees. In Abd. Rahim Abd Rashid, Suffeau Hussin & Abu Talib Putih (2005). *Career development and unemployment problems in Malaysia: Crisis of Education and Training*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razaveih, A. (2002). *Introduction to research in education* (6th ed.). Belmont, CA: Wadsworth/Thomson Learning.
- Astin, A. W. (1977). *Four critical years*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Braxton, J. M., & Lien, L. A. (2000). The viability of academic integration as a central construct in Tinto's interactionalist theory of college student departure. In Braxton (Ed.), *Reworking the departure puzzle*. Nashville: vanderbilt University Press.
- Burt, J. M., & Harpin, G. (1998). The African American identity development: A review of the literature.  
<http://www.eric.ed.gov/contentdelivery/sevlet/ERICServlet?accno=ED428303>
- Chai Lee Goi & Christine Siik Hung Lau . (2010). Graduates' employment: The value of Curtin University of Technology Sarawak's graduates. *International Journal of Marketing Studies*, 2 (1), 127-132.
- Chickering, A. W., & Reisser, L. (1993). *Education and identity* (2 ed). San Farancisco: Jossey-Bass.
- Chickering, A. W.(1969). *Education and Identity*. San Francisco: Jossey Bass.

- Cooper, D. L., Healy, M. A., & Simson, J. (1994). Student development through involvement: Specific Changes over time. *Journal of College Student Development*, 35, 98-102.
- Cox, S., & King, D. (2006). Skill sets: an approach to embed employability in course design. *Education Training*, 48(4), 262-274.
- Erwin, T. & Love, W. (1989). Selected environmental factors in student development. *NASPA Journal*, 17: 19-24.
- Evans, N. J., Forney, D. S., & DiBrito, F. G. (1998). *Student development in college: Theory, research and practice*. John Wiley & Sons: Jossey-Bass.
- Fauziah Md Jaafar, Rosna Awang Hashim & Tengku Faekah Tengku Ariffin (2012). Malaysian University Student Learning Involvement Scale (MUSLIS): Validation of student Engagement Model. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol 9.
- Foubert, J. D., & Grainger, L. U. (2006). Effects of involvement in clubs and organizations on the psychosocial development of first year and senior college students. *NASPA Journal*, Vol 43 (1)
- Greeley, A. T., & Tinsley, H. E. A. (1988). Autonomy and intimacy development in college students: Sex differences and predictors. *Journal of College Student Development*, 29, 512-590.
- Jamaludin Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih, & Norhafezah Yusof (2009). *Pembangunan pelajar memperkasakan kurikulum institut pengajian tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lien, L. A. (2002). *The role of social integration in students' psychosocial development*. PhD Thesis, University of Vanderbilt, Tennessee.
- Lippman, L., Atienza, A., Rivers, A. & Keith, J. (2008). *A developmental perspective on college & workplace readiness*. Washington: Child Trends and the Bill and Melinda Gates Foundation.
- Machado, C., Almeida, L.S. & Soares, A.P.C. (2002). Academic experience at the beginning and the end of university studies. *European Journal of Education*, 37 (4).
- Marcoulides, G. A., & Heck, R. H. (2005). Student perceptions of school culture and achievement: testing the invariance of a model. *International Journal of Educational Management*, 19(2), pp.140 – 152.
- Martin, L. M. (2000). The relationship of college experiences to psychosocial outcomes in students. *Journal of College Student Development*, 41, 294-303.
- Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2012). Pengaruh dimensi penyesuaian diri pelajar sebagai peramal pencapaian akademik berdasarkan model penyesuaian Baker & Siryk. Retrieved from <http://politeknik.gov.my/webjpp2/penyelidikan/penerbitan/files>
- Montelongo, R. (2002) Student participation in college student organizations: A review of literature. *Journal of the Indiana University Student Personnel Association*.

- Moore, L. V., & Uperaft, M. L. (1990). Theory in student affairs: Evolving perspectives. In L. V. Moore (Ed.), *New Directions for Student Services*, 51, 3-23. San Francisco: Jossey-Bass.
- Parker, J. D. A., Summerfeldt, L.J., Hogan, M.J., & Majeski, S.A. (2004). Emotional Intelligence and academic success: examining the transition from high school to university. *Personality and Individual Differences*, 36(1), 163-173.
- Strayhorn, T. L., & Saddler, T. N. (2009). Gender differences in the influence of faculty-student mentoring relationships on satisfaction with college among African Americans. *Journal of African American Studies*, 13(4), 476-493.
- Thomas, R., & Chickering, A. (1984). Education and Identity Revisited. *The Journal of College Student Personnel*, 25: 392-399.
- Ulterback, J. W., Spooner, S. E., Barbieri, J. A., & Fox, S. N. (1995). Gender and ethnic issues in the development of intimacy among college students. *NASPA Journal*, 32 (2), 82-89.
- Wachs, P. M., & Cooper, D.L. (2002). Validating the Student Developmental Task and Lifestyle Assessment: a longitudinal study. *Journal of College Student Development*, 43(1), 124-129.
- Winston, R. B., Miller, T. K., & Cooper, D. L. (1999). *Student Development Task and Lifestyle Assessment*. Athens, GA: Student Development Associates.
- Woolfolk, A. (2007). *Educational Psychology* (10th Ed). Boston: Pearson Education.